



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

14 DISEMBER 2021 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

14 DISEMBER 2021 (SELASA)

Syarikat daging hadapi 16 pertuduhan AMLA

Empat termasuk dua pengaranya didakwa kes pengubahan wang haram RM13.28 juta

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Sebuah syarikat pembekal daging sejuk beku bersama dua pengarah, pengurus stor dan akauntannya, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Isnin atas 16 pertuduhan pengubahan wang haram sebanyak RM13.28 juta antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

Tertuduh iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, dua pengaranya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, pengurus stor, Chong Kim Kuang, 48, serta akauntan, Ng Yee Xin, 37, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Bagaimanapun, Siew Huak gagal hadir kesemua prosiding kes membabitkan kartel daging itu sejak Februari lalu, menyebabkan mahkamah mengeluarkan waran tangkap ke atas tertuduh.

Mengikut kertas pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa menerima wang yang merupakan hasil pengubahan wang haram berjumlah RM13.28 juta dari sebuah akaun semasa milik LY Frozen bagi tempoh 31 Oktober 2018 sehingga 31 Disember 2020 di dua cawangan bank berbeza di Senai, Kulai dan Taman Molek, di



Kim Kuang (dua dari kiri) dan Yee Xin (dua dari kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru terhadap pertuduhan pengubahan wang haram antara Oktober 2018 hingga Disember tahun lalu.

sini.

Bagi pertuduhan itu, kesemua tertuduh boleh didakwa di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembenturan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA) 2001.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum menurut Seksyen 4(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan denda lima kali ganda daripada jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi.

Sementara itu, pihak pendakwaan yang diwakili Timbalan Pendakwa Raya Nor Raihan Rithwan dan Norazizah Asmuni, memohon agar mahkamah menetapkan wang jaminan RM1 juta bagi setiap tertuduh. Namun, peguam memohon mahkamah menggunakan pakai wang jaminan yang ditetapkan sebelum ini berikutkan mereka telah membayar jaminan RM660,000

untuk pertuduhan awal.

Peguam juga memohon supaya jaminan ke atas Yee Xin ditetapkan pada kadar antara RM50,000 hingga RM60,000.

Hakim kemudiannya menetapkan wang jaminan LY Frozen dan Chong masing-masing sebanyak RM250,000 dengan menggunakan pakai wang jaminan yang telah dibayar untuk kes tersebut, sementara Ng diarah membayar RM150,000.

Mahkamah menetapkan sebutan semula kes itu pada Selasa. Prosiding pada Isnin merupakan kes kali ketiga kartel daging sejuk beku membabitkan syarikat itu.

Pada 2 Disember tahun lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan khasnya mendedahkan kegiatan kartel meng-import daging yang tidak halal sebelum meletakkan logo halal palsu. Kegiatan kartel itu terbongkar menerusi serbuan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bersama agensi lain di sebuah stor di Skudai, dekat sini.



HARI : SELASA
TARIKH : 14/12/2021
M/SURAT : 18



Harga ayam lebih rendah

Pengguna puas hati ayam dijual ikut SHMKM

AYAM segar dijual pada harga RM8.99 ketika tinjauan di sebuah pasar raya di Bandar Tasik Puteri, semalam. - Gambar NSTP/ FARIZ ISWADI ISMAIL

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kebanyak pengguna berpuas hati dengan harga ayam standard yang dijual mengikut Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Tinjauan di beberapa pasar basah di sekitar daerah Rawang, Klang dan Pasar Borong Kuala Lumpur mendapati kebanyakan peniaga mematuhi harga maksimum ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta dijual antara harga RM8.20 sehingga RM9.30 sekilogram.


Pengguna, Mohd Izuan Shuaimi, 34, berkata, dia lega apabila harga ayam kini lebih rendah berbanding minggu lalu.

"Jika dibandingkan harga ayam sebelum ini memang berlaku peningkatan, ada yang jual sehingga RM10 sekilogram.

"Alhamdulillah, minggu ini kebanyakan peniaga di pasar menjual mengikut skim harga yang ditetapkan kerajaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Peniaga, Syameel Moktar, 26, berkata, inisiatif kerajaan terutama KPDNHEP memperkenalkan SHMKM amat melegakan pengguna.

"Berbanding beberapa



Kini kerajaan menetapkan harga ayam standard runcit RM9.30 sekilogram, tetapi ada juga peniaga yang menjual harga rendah daripada itu"

Syameel Moktar

minggu lalu memang terdapat peningkatan terutama harga ayam standard.

"Kini kerajaan menetapkan harga ayam standard runcit RM9.30 sekilogram, tetapi ada juga peniaga yang menjual harga rendah daripada itu," katanya.

SHMKM yang berkupertuasa sehingga 31 Disember ini bertujuan mengawal dan menstabilkan harga barang keperluan yang disenaraikan KPDNHEP.

Peniaga jual tauhu pada harga mahal kena tindakan



MOHD. ZAWAWI (dua dari kanan) ketika meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang, Klang semalam.

KLANG — Tindakan seorang peniaga menjual tauhu dengan harga tidak munasabah di sebuah premis di Sepang mengundang padah apabila dikenakan tindakan minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd. Zawawi Ahmad Muighni berkata, kesalahan itu dikesan hasil aduan dan permatauan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) cawangan Sepang.

Katanya, semakan awal mendapati peniaga itu turut gagal mengemukakan dokumen urus

niaga belian sayur berkenaan daripada pembekal.

"Justeru, KPDNHEP mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Peniaga itu diarah hadir ke Pejabat KPDNHEP Sepang untuk mengemukakan maklumat lanjut," katanya ketika meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP negeri, Muhamad Zikril Azan Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Jelasnya, kesalahan berkaitan tauhu yang bukan barang kawalan bawah SHMKM itu masih

dalam proses siasatan.

"Setakat ini hanya berlaku melibatkan peniaga itu dan tidak secara menyeluruh. Namun, pemantauan sama akan turut dilakukan di daerah lain," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan hasil pemeriksaan terhadap 652 premis sepanjang tujuh hari pelaksanaan SHMKM di negeri ini bermula 7 Disember lalu mendapati peniaga memberi kerjasama dan berada pada pematuhan yang baik.

KPDNHEP sebelum ini menyenaraikan 12 barang kawalan harga bagi SHMKM termasuk ayam, telur ayam dan enam sauran mulai 7 hingga 31 Disember depan.



MOHD Zawawi (tengah) diiringi Muhamad Zikril Azan (kanan) ketika melakukan pemeriksaan pematuhan pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Terima notis kerana jual tauhu mahal

Klang: Tindakan seorang peniaga menjual tauhu pada harga tidak munasabah membawa padah apabila dikenakan notis oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, peniaga di sebuah premis di Sepang itu dikenakan notis mengikut Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Katanya, tindakan peniaga itu dikesan minggu lalu, selepas pemeriksaan dilakukan hasil aduan serta pemantauan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) oleh penguasa KPDNHEP cawangan Sepang.

"Terdapat satu aduan diterima oleh Pejabat KPDNHEP Sepang berhubung harga sayur (jenis tauhu) yang didakwa mahal. Selepas pemeriksaan dilakukan,

penguasa kuasa turut mendapati peniaga itu gagal mengemukakan dokumen urus niaga belian sayur berkenaan daripada pembekal.

"Justeru, KPDNHEP mengeluarkan notis mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

"Peniaga itu diarah hadir ke Pejabat KPDNHEP Sepang untuk mengemukakan maklumat lanjut," katanya selepas meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Awam Pelabuhan Klang di

sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah KPDNHEP negeri, Muhamad Zikril Azan Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri. Mengulas lanjut, Mohd Zawawi berkata, sebanyak 652 premis diperiksa sejak pelaksanaan SHMKM yang bermula 7 Disember lalu hingga semalam.

Katanya, permeriksaan itu membabitkan 643 peruncit dan sembilan pemborong di negeri ini.

HARI : SELASA
TARIKH : 14/12/2021
M/SURAT : 3



Padah jual tauhu mahal



Mohd Zawawi (kanan) bersama Muhamad Zikril Azan (kiri) dan Azmizam ketika tinjauan pematuhan harga Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Awam Pelabuhan Klang pada Isnin.

KPDNHEP Selangor keluarkan notis kepada peniaga di Sepang

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI

KLANG

Gara-gara menjual tauhu pada harga mahal, seorang peniaga di Sepang dikenakan notis amaran melalui pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor.

Exco Agama Islam, Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi

Ahmad Mughni berkata, tindakan diambil berdasarkan aduan yang diterima oleh pejabat KPDNHEP Sepang.

"Satu aduan diterima di kawasan Sepang berhubung harga sayur (jenis tauhu) yang didakwa mahal.

"KPDNHEP Sepang telah mengeluarkan notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 kepada premis berkenaan," katanya selepas tinjauan pematuhan harga Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Awam Pelabuhan Klang di sini pada Isnin.

Hadir sama, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor Muhamad Zikril Azan Abdullah dan Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri.

Menurut Mohd Zawawi, hasil pemeriksaan turut mendapati peniaga gagal menemukkan dokumen urus niaga belian tauhu daripada pembekal.

"Peniaga berkenaan diarahkan hadir ke Pejabat KPDNHEP Sepang untuk mengemukakan maklumat," katanya.

Menurutnya, sebanyak 652 premis diperiksa sepanjang sejak 7 Disember hingga 12 Disember ketika tempoh pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

"Pemeriksaan melibatkan 643 peruncit dan sembilan pemborong di negeri ini," katanya.

Denda RM200k langgar hak cipta

Kuala Lumpur: Denda sehingga RM200,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun bagi mereka yang melakukan kesalahan berkaitan teknologi penstriman antara subseskyen baru dalam Rang Undang-Undang Hak Cipta (Pindaan) 2021 yang dibentang bagi bacaan kali pertama di Dewan Rakyat, semalam.

Menurut rang undang-undang itu, seseorang boleh melakukan atau memudahkan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya antaranya dengan membuat suatu teknologi penstriman termasuk untuk dijual atau disewakan serta mengimport suatu teknologi penstriman.

Individu yang melanggar subseskyen itu boleh dihukum denda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

Rang undang-undang bagi meminda Akta Hak Cipta 1987 itu dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP), Datuk Rosol Wahid.

Beliau turut memben-

tangkan dua lagi rang undang-undang bagi bacaan kali pertama di bawah kementeriannya iaitu Rang Undang-Undang Petunjuk Geografi 2021 dan Rang Undang-Undang Paten (Pindaan) 2021.

Rang Undang-Undang Petunjuk Geografi 2021 digubal bagi perlindungan dan pendaftaran petunjuk geografi berhubung barang dan untuk melaksanakan triti berkaitan dan bagi perkara yang berhubung dengannya.

Petunjuk geografi (GI) adalah tanda yang digunakan pada produk yang mempunyai asal geografi tertentu dan memiliki sifat atau reputasi yang disebabkan oleh asal itu.

Rang undang-undang terbabit antaranya membolehkan pemilik memohon untuk mendaftarkan suatu petunjuk geografi bagi apa-apa barang dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh pendaftar bersama dengan pembayaran yuran yang ditetapkan.

Rang Undang-Undang Paten (Pindaan) 2021 pula dibentang antaranya bagi membolehkan keluaran proses mikrobiologi dijadikan reka cipta yang dapat dipatenkan. - Bernama

Peniaga boleh dikenakan tindakan

Jika jual tayar terpakai dengan harga baharu

SHAH ALAM

Peniaga yang menjual tayar terpakai tetapi meletakkan harga seperti tayar baharu boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, akta berkenaan melibatkan larangan perihal dagangan dan pembekalan barang palsu di negara ini.

"Jika mereka didapati bersalah untuk kesalahan tersebut, kita akan ambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

"Akta Perihal Dagangan 2011 itu memperincikan mengenai penjualan barang-barang palsu dan tiruan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, peniaga yang menjual tayar kenderaan baharu perlu memastikan ia menerapai kriteria penting seperti mempunyai label keselamatan dari pada Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

Ketika ditanya mengenai bilangan peniaga yang menjual tayar terpakai



Tinjauan *Sinar Harian* di sebuah kedai tayar di Shah Alam pada Jumaat.



ROSOL

dengan harga seperti tayar baharu, beliau berkata, pihaknya masih belum mempunyai data tersebut.

"Kriteria untuk tayar baharu memang perlu mempunyai cop SIRIM. (Kriteria) Yang lain saya tak pasti."

"Setakat ini saya tidak ada data (peniaga jual tayar terpakai dengan harga seperti tayar baharu)," ujar beliau.

Di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, jika disabit kesalahan dan orang itu ialah suatu pertubuhan per-

badanan, boleh didenda tidak melebihi RM250,000.

Bagi kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM500,000.

Bagi bukan suatu pertubuhan perbadanan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya.





**ENSURING
COMPLIANCE...**

A Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry staff checking prices of eggs at the Port Klang Market in Selangor yesterday.
— **ASYRAF RASID**
/THESUN

HARI : SELASA
TARIKH : 14/12/2021
M/SURAT : 16



• Ayam RM7.99
• Daging Lembu Tempatan RM35
• Daging Lembu Import RM15.50

• Telur Gred A RM12.30
• Ikan Kembung RM7.99
• Minyak Masak RM6.50

• Gula Pasir RM2.85
• Bawang Besar Holland RM1.99
• Bawang Putih RM5.50

• Cili Merah RM7.99
• Kubis Tempatan RM4.99
• Tepung Gandung RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

14 DISEMBER 2021 (SELASA)

MyCC siasat lebih 500 syarikat disyaki tipu bidaan

Satu kartel guna banyak syarikat untuk dapat tender akibatkan kerugian hingga RM2 bilion

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat lebih 500 syarikat yang disyaki membuat pe-

nipuan dalam bidaan membabitkan tender dengan nilai keseluruhan kira-kira RM2 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail, berkata melalui siasatan awal, pihaknya mendapati wujud pembabitan sehingga 50 syarikat di bawah satu kartel bagi mendapatkan tender tertentu, namun suruhanjaya itu masih dalam proses mendapatkan maklumat lanjut sama ada mereka melanggar undang-undang per-salingan.

"Selain itu kami juga menyiasat beberapa penggiat sektor logistik pelabuhan dan sebagainya yang berperanan sebagai kartel untuk monopoli perniagaan," katanya pada sidang media selepas pelancaran Pelan Strategik

MyCC 2021-2025, di sini semalam.

Pelan strategik itu dilancarkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Iskandar berkata, mana-mana syarikat yang didapati bersalah akan didenda oleh MyCC yang bertindak sebagai badan separa kehakiman dengan hukuman berbentuk denda 10 peratus daripada pendapatan yang diperoleh syarikat terbabit.

"Contohnya, jika syarikat itu memperoleh RM10 juta hasil perniagaan monopoli, kita akan denda RM1 juta. Kita tidak melaksanakan tangkapan kerana MyCC bukan polis, sebaliknya kami sia-

sat dan putuskan sendiri," katanya.

Beliau berkata, MyCC juga dijangka mempunyai kuasa bersifat lebih menyeluruh melalui pindaan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, tahun depan.

Katanya, ia memberi lebih kuasa, khususnya dalam aspek siasatan contohnya untuk merampas data di mana melalui akta sedia ada, peranan MyCC terhad dalam beberapa bahagian.

"Kami juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membabitkan isu kartel barang keperluan harian," katanya.

Pinda 2 akta tangani kegiatan kartel

Kuala Lumpur: Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 akan dipinda bagi menangani kegiatan kartel, termasuk membabitkan bidaan tender projek kerajaan serta monopoli dalam pasaran.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pindaan dua akta itu akan dibawa ke Parlimen tahun depan.

Melalui pindaan itu, beliau berkata, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dijangka

diberi lebih kuasa, termasuk dalam aspek siasatan bagi menangani isu persaingan.

"Pindaan ini penting bagi melengkapkan pegawai MyCC, khusus mereka diperluaskan menangani isu persaingan dengan berkesan dan cekap sejak lanskap ekonomi yang sentiasa berubah.

"Kita sudah melaksanakan usaha meminda kedua-dua akta ini sejak dua tahun lalu dan ia kini sudah dibawa kepada Pemangku Negara dan dijangka dibentang di Parlimen, Jun depan.

"MyCC sentiasa bekerjasama dengan kerajaan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti bagi mengurangkan penipuan, sekali gus menghapuskan pembaziran, termasuk monopoli kartel dalam tender kerajaan," katanya pada sidang media majlis pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021-2025, di sini semalam.

Pada masa sama, Rosol berkata, pembabitan kartel harus dibendung kerana ia turut menyumbang kepada peningkatan harga khususnya barang ke-

perluhan harian selain faktor bekalan dan permintaan.

Beliau berkata, dengan pindaan dua akta itu, ia berupaya memberi kesan positif kepada ekonomi negara, khususnya dalam menarik pelaburan luar yang akan lebih yakin dengan Malaysia.

"Dengan adanya pindaan ini kelak, kita yakin perniagaan akan lebih telus dengan menerapkan persaingan sihat, yang boleh mendorong keyakinan pelabur luar," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 14/12/2021
M/SURAT : 13

Tipu bida ténder: MyCC siasat lebih 500 syarikat

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sedang menyiasat lebih 500 syarikat yang disyaki melakukan tipuan bida dalam perolehan kerajaan melibatkan nilai tender lebih RM2 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC Iskandar Ismail berkata, siasatan ini mengambil sedikit masa kerana syarikat terbabit mempunyai jaringan besar selain pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini yang menjadi kekangan kepada siasatan.

"Kami tidak siasat individu tetapi kami siasat syarikat yang terlibat dalam kartel dan kes yang disiasat ini ada kemungkinan satu tender boleh masuk hingga 50 syarikat.

"Lepas siasat dan sekiranya wujud pelanggaran undang-undang, kami (MyCC) boleh mengambil tindakan

denda ke atas syarikat berkenaan," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021-2025 yang diasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid di sini pada Isnin.

Selain itu, Iskandar berkata, MyCC juga sedang menyiasat beberapa pemain industri dalam sektor logistik di pelabuhan, yang mungkin terlibat dalam isu kartel kerana terdapat pelbagai isu persaingan termasuk tempat menyimpan kontena.

Dalam perkembangan lain, Rosol berkata, kementerian dalam proses meminda Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2010, yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada Jun tahun depan. - *Berriama*

MyCC investigating tender bid rigging by companies

KUALA LUMPUR: Over 500 companies are being investigated for fraudulent bids involving government procurement worth over RM2bil, said Malaysia Competition Commission (MyCC) chief executive Iskandar Ismail (*pic*).

He said these investigations were lengthy as the companies involved had extensive networks. Probes were also hampered due to movement control order (MCO) constraints.

Iskandar noted MyCC is investigating companies involving cartels and not individuals.

"There are instances where one tender can have bids from 50 companies.

"Once the case is investigated, and if there exists a violation of the law, we can fine the company

involved," he told reporters after the launch of the MyCC Strategic Plan 2021-2025 that was officiated by Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid here yesterday.

Iskandar said some players in the port logistics sector were also being investigated for cartel activities.

These include competition issues related to container storage, he said.

Meanwhile, Rosol said that the ministry was in the process of amending the Competition Act 2010 and Competition Commission Act 2010 next year.

Both laws are important to equip MyCC with powers needed to deal with competition issues more effectively.



"They will also give more authority to MyCC to review mergers which will significantly reduce competition in the market as there is a high likelihood for increased mergers and acquisition activities in the post-pandemic landscape.

"This effort will have a positive impact on integrity as it creates healthy and transparent competition, in turn giving investors confidence," he said.

Earlier, at a forum titled "Exploitative Pricing - Striking A Balance Between Competition and Industrial Policy" chaired by Star Media Group advisor Datuk Seri Wong Chun Wai, the panellists agreed that the price hikes of food and other essential items were a global problem as a result of the Covid-19 pandemic.

The reasons cited included disruption of supply chain, insufficient production and even closure of the manufacturing line following the implementation of lockdowns across the world.

However, Iskandar said these

issues should not be used by businesses to increase prices drastically to recoup losses during the MCO.

He cited unreasonable prices of food, including fish dishes, and transportation costs in Langkawi.

Another panellist, academician Prof Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad called for greater emphasis on food production and food security.

She said small farms could play bigger roles in food production.

Wong noted Malaysia's food bill was a whopping RM55.5bil in 2020.

Expressing concern, he feared the amount could be higher now due to the currency exchange rate and the increase in food prices.

"Malaysia cannot keep on going like this. We need to wake up," he said.